



Jawatankuasa Bar Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR BAR COMMITTEE

KLBC 2021/22

Chairman

Vivekananda Sukumaran

Honorary Secretary

Alvin Oh Seong Yew

Committee members

Nizam Bashir
Collin Arvind Andrew
Alvin Oh Seong Yew
Jacky Loi Yap Loong
Nimalan Devaraja
Terrence Lee Rohui
Lim Yin Faye
Thulasy Suppiah
Rajsurian Pillai
Shugan Raman
S. Saravana Kumar
Yoges M. Verasuntharam

Rep. to the Bar Council

Harleen Kaur (Leena)

Subcommittees

Civil Practice & Court Liaison

Nizam Bashir
Nimalan Devaraja

Corporate & Conveyancing Practice

Lim Yin Faye

Criminal Law Practice

Collin Arvind Andrew

Finance

Vivekananda Sukumaran
Alvin Oh Seong Yew

Gender Equality & Diversity

Thulasy Suppiah

Professional Development

S. Saravana Kumar

Pupils

Rajsurian Pillai

Sports

Jacky Loi Yap Loong
Terrence Lee Rohui

Technology Committee

Nimalan Devaraja
Terrence Lee Rohui
Thulasy Suppiah

Young Lawyers

Shugan Raman

Legal Aid

Yoges M. Verasuntharam

27 Mei 2021

YBhg Datuk Mohd Nizom Sairi P.J.N., A.M.N., S.I.M.P

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian)

Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Menara Hasil, Aras 18

Persiaran Rimba Permai, Cyber 8

63000 Cyberjaya

Selangor

Emel: nizom@hasil.gov.my

YBhg Datuk,

Maklumbalas dan Cadangan

**Penamatan Penggunaan Sistem Frangki Digital Di Kaunter Duti Setem
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Dan Lain-lain**

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dengan rujukan LHDN.BA.B.600-10/3/2 bertarikh 30 November 2020.

2. Jawatankuasa Amalan Korporat & Konveyansing di bawah Jawatankuasa Bar Kuala Lumpur sedia maklum bahawa Sistem Frangki Digital 2.0 ("DFS") akan ditamatkan pada 30 Jun 2021 di semua Pejabat Setem Cawangan dan semua penyeteman perlu dikemukakan melalui STAMPS sepenuhnya mulai 1 Julai 2021. Di samping itu, permohonan penyeteman bagi surat cara sekuriti juga wajib dibuat melalui STAMPS mulai 1 Mac 2021 dan telah pun dilancarkan.

3. Akibat daripada pandemik Covid-19 yang tak dijangka, pihak kami percaya bahawa pelaksanaan sistem digital adalah perlu dan merupakan cara yang terbaik untuk memudahkan semua pihak berkepentingan agar melaksanakan proses penyeteman secara dalam talian. Pihak-pihak tidak perlu hadir ke Kaunter LHDNM untuk urusan penyeteman dan ianya sesuai dengan keadaan semasa di mana adalah tidak digalakkan sebarang urusan secara bersemuka supaya dapat kita meratakan lengkok dan melandaikan kelok sebaran dan jangkitan Covid-19. Selain itu, pihak kami amat bersetuju bahawa digitalisasi diperlukan untuk ekonomi negara.

4. Sehubungan dengan usaha digitalisasi pihak LHDNM, pihak kami telah menjalankan kaji selidik dan menerima maklum balas daripada ramai Peguambela dan Peguamcara di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkenaan STAMPS, terutamanya dengan penyeteman surat cara sekuriti yang diberhentikan melalui Sistem DFS sejak 1 Mac 2021.

5. Melalui maklumbalas kaji selidik tersebut, kami telah menerima maklum balas positif dan merakamkan ucapan terima kasih kepada pegawai LHDNM yang telah membantu peguamcara yang berjaya menghubungi mereka melalui talian telefon, berkaitan langkah-langkah terperinci penggunaan STAMPS surat cara sekuriti. dan membolehkan mereka membuat permohonan atas talian dengan mudah.

6. Walau bagaimanapun, kami dimaklumkan bahawa masa yang panjang iaitu sekitar 3 hingga 4 minggu diambil untuk memproses permohonan-permohonan penyeteman yang telah dibuat melalui STAMPS. Kami sedar bahawa terdapat banyak permohonan dan dokumen yang perlukan penyeteman di negeri Selangor dan Kuala Lumpur akibat aktiviti ekonomi dalam Lembah Klang yang tinggi dan berkemungkinan menyumbang kepada jumlah permohonan yang diterima oleh pihak LHDNM setiap hari. Akan tetapi, kelewatan proses pengeluaran notis taksiran ini tidak menepati tujuan penggunaan system atas talian iaitu bagi menyegerakan urusan pengeluaran notis. Kelewatan ini boleh mengakibatkan pembatalan kontrak atau pelanggan terpaksa membayar gantirugi akibat kelewatan.

7. Berdasarkan maklumbalas tersebut, pihak kami ingin mencadangkan beberapa penambahbaikan untuk pertimbangan YBhg Datuk seperti berikut: -

- a) Menyegerakan proses pengeluaran Notis Taksiran dan menetapkan tempoh selewat-lewatnya 14 hari bagi pengeluaran notis taksiran dokumen sekuriti. Kami dimaklumkan bahawa kelewatan disebabkan pelbagai faktor termasuk cawangan LHDNM yang lewat memproses permohonan kerana mengendalikan banyak permohonan pada satu-satu masa. Oleh yang demikian, kami mencadangkan agar sistem STAMPS membolehkan kes-kes di bahagikan kepada pegawai secara sama rata (mengikut kapasiti maksima harian pegawai) samada mengikut/ tidak mengikut cawangan bertugas dan memadamkan secara automatik pilihan cawangan yang telah menerima kapasiti maksima harian mereka atau memberi notifikasi cawangan yang telah menerima kapasiti maksima permohonan harian dipaparkan melalui STAMPS agar pelanggan dapat memilih cawangan lain bagi memproses permohonan.
- b) Status permohonan STAMPS samada di tahan sementara menunggu dokumen/maklumat tambahan atau penolakan berserta alasan penolakan di maklumkan dalam tempoh 7 hari daripada tarikh permohonan di emekan kepada pengguna agar tindakan dapat diambil oleh pengguna sepertimana di buat di Pejabat Tanah.
- c) Menempatkan direktori pegawai-pegawai LHDNM dalam setiap bahagian dan cawangan yang boleh dihubungi, dengan alamat e-mel serta nombor telefon di laman sesawang LHDNM atau diberikan di dalam sistem STAMPS. Ini akan memudahkan para peguam menghubungi pegawai yang berkenaan secara terus bagi sebarang pertanyaan lanjut. Salah satu contoh adalah seperti direktori dalam sesawang Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor https://ptg.selangor.gov.my/index.php/edirectory/edirectory_list/1.
- d) Penetapan tempoh masa untuk pengeluaran notis taksiran seperti berikut:-

Dokumen	Tempoh di cadangkan (hari)
Dokumen-dokumen yang dikenakan setem nominal (RM10.00);	3
Dokumen-dokumen konveyansing lain seperti Borang 14A serta Surat Ikatan Penyerahan Hak (<i>Deed of Assignments</i>)	14
Dokumen-dokumen sekuriti;	7

- e) Garis panduan / templat standard untuk pengisian permohonan-permohonan patut diberikan kepada para peguam sebagai rujukan dan format standard boleh diamalkan bagi melancarkan proses. Ini adalah kerana tiada format setara untuk pengisian borang dan kesilapan atau kealpaan kecil akan ditolak bergantung kepada Pegawai yang bertugas.

Kami berharap agar maklum balas dan cadangan penambahbaikan tersebut dapat membantu untuk peralihan lancar penamatan DFS dan kelancaran peralihan permohonan atas talian STAMPS bagi kebaikan LHDNM dan pengguna. Kami berbesar hati untuk mengadakan pertemuan atas talian dengan pihak LHDNM bagi perbincangan dan maklumbalas berkenaan cadangan tersebut.

Kerjasama YBhg Datuk kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang ikhlas,



Vivekananda Sukumaran

Pengerusi

Jawatankuasa Bar Kuala Lumpur



Lim Faye

Pengerusi

Jawatankuasa Amalan Korporat & Konveyansing

s.k. Khor Tzher K'ng (Scott)

Pegawai Kanan

Jawatankuasa Amalan Konveyansing, Majlis Peguam Malaysia

emel: scott@malaysianbar.org.my